



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES

Edition: 15/2025

APB REMBAU E-BULLETIN

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Prof. Madya Dr Norwati Hj
Roslim

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke,
Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Khairon Nisa Shafeei
Shahrul Muhazad Shahrudin
Nadiah Yahyauddin

e-ISSN: 2682-776X

Mari Belajar Nombor dalam Bahasa Mandarin dan Bahasa Arab dan kepentingannya.

*Disediakan oleh: Dr. Ong Woon Chuan,
Norshida Hashim & Dr. Syahirah Almuddin*

Dalam dunia globalisasi zaman kini, penguasaan pelbagai bahasa telah menjadi salah satu keupayaan yang penting untuk pembangunan peribadi, kemajuan sosial dan perhubungan antarabangsa bagi seseorang pelajar. Bagi bahasa Mandarin dan bahasa Arab, ia adalah dua bahasa yang digunakan secara meluas di seluruh dunia dan mempunyai impak besar terhadap budaya dunia. Jadi mempelajari nombor dalam dua bahasa ini, terutamanya nombor 0 hingga 10, adalah kunci utama untuk membuka pintu pembelajaran kedua-dua bahasa ini.

Nombor 0 hingga 10 sebagai elemen asas dalam pembelajaran bahasa Mandarin dan bahasa Arab tidak hanya membantu pelajar memahami struktur bahasa tersebut tetapi juga membantu binaan asas yang kukuh untuk pembelajaran yang lebih mendalam.

Nombor	Bahasa Mandarin	Sebutan (Pinyin)	Bahasa Arab	Sebutan (Rumi)
0	零	líng	٠	sifr
1	一	yī	١	wāḥid
2	二	èr	٢	ithnān
3	三	sān	٣	thalāthatt
4	四	sì	٤	arba'att
5	五	wǔ	٥	khamṣatt
6	六	liù	٦	sittatt
7	七	qī	٧	sab'att
8	八	bā	٨	thamāniyatt
9	九	jiǔ	٩	tis'att
10	十	shí	١٠	'asharatt

Jadual 1: Nombor dalam Bahasa Mandarin dan Bahasa Arab

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, pelajar dapat mempelajari nombor 0 hingga 10 dalam bahasa Mandarin dan bahasa Arab. Pada masa yang sama, pelajar juga dapat memahami tentang nombor untuk bahasa Mandarin dan bahasa Arab. Kedua-dua bahasa ini mempunyai ciri penulisan dan sebutan yang langsung berbeza dan unik. Sepertimana nombor 0 dalam penulisan karakter bahasa Mandarin ialah “零” dengan sebutan Pinyin “líng” manakala dalam bahasa Arab nombor 0 bersimbol “٠” dengan tulisan Arab yang disebut “صفر”. Setelah menguasai nombor 0 hingga 10, pelajar dapat menyebut nombor yang lebih besar daripada nombor

10. Contohnya, nombor 11 dalam bahasa Mandarin ialah “十一 (shí yī)” dan nombor 12 ialah “十二 (shí èr)” atau nombor 20 ialah “二十 (èr shí)” dan nombor 21 adalah “二十一 èr shí yī”. Pelajar boleh mendapati bahawa kesemua nombor itu dibentuk dengan menambah sepuluh “十 (shí)” di depan atau belakang nombor 1 dengan 2 dan sebagainya.

Walaupun sistem nombor bahasa Mandarin dan bahasa Arab amat berbeza, tetapi kedua-dua bahasa tersebut tetap memainkan peranan penting dalam pelbagai aspek kehidupan, bermula dari urusan harian yang mudah hingga kepada aplikasi yang lebih kompleks. Ia dapat membantu dan mempermudah komunikasi pelajar dalam komunikasi harian seperti menunjukkan tarikh dan waktu (contohnya membuat janji temu, mencatatkan hari lahir, pertanyaan umur), menunjukkan jumlah bilangan dan harga (contohnya membeli barangan, tawar-menawar, mengira kos) ataupun menunjukkan nombor rumah dan nombor telefon (contohnya membuat panggilan telefon, mencari alamat) dan semua yang berkaitan dengannya. Tanpa pembelajaran tentang nombor 0 hingga 10 tersebut, pelajar akan sukar memahami dan berinteraksi dalam sebarang situasi harian sekiranya menemui pelbagai konteks dalam bahasa Mandarin dan Arab.

Menurut Berita Harian, selain komunikasi harian, pengetahuan nombor dalam Bahasa Mandarin dan Bahasa Arab memudahkan pelajar berkomunikasi dengan lebih efisien dan mengurangkan risiko salah faham antara dua pihak ketika mengadakan rombongan lawatan akademik, menjalankan aktiviti perniagaan antarabangsa atau melancong ke negara seperti China dan negara Arab. Sebagai contoh, untuk penyelidikan akademik dan pembacaan literatur, terdapat banyak teks klasik, dokumen sejarah, dan karya moden dalam bahasa Mandarin menggunakan angka Mandarin. Oleh itu, dengan menguasainya dapat membantu pelajar membaca dan memahami bahan-bahan ini. Dalam literatur Arab, angka Arab digunakan secara meluas terutamanya dalam bidang matematik, sains, dan sejarah. Dengan mempelajarinya, pelajar dapat menyelami budaya Arab dengan lebih mendalam. Selain itu, menguasai kedua-dua sistem nombor ini dapat membuka pintu kepada penyelidikan akademik, seperti sejarah matematik China-Arab dan perbandingan linguistik, seterusnya memperkaya pengetahuan dan kemahiran akademik pelajar.

Di samping itu, di dalam dunia perniagaan antarabangsa kini, penggunaan nombor yang tepat dalam bahasa Mandarin dan bahasa Arab dapat membantu menjelaskan maklumat yang kompleks

dan meningkatkan produktiviti komunikasi antara dua pihak kerana perundingan mengenai cara kerjasama seperti sebut harga, pembahagian dividen, penggunaan nombor adalah sangat penting. Menguasai kedua-dua sistem nombor dalam bahasa Mandarin dan Arab dapat meningkatkan kemahiran bahasa dan kefahaman budaya pelajar, seterusnya memperkukuh daya saing mereka dalam pasaran kerja dan arena akademik antarabangsa.

Mempelajari nombor bahasa Mandarin dan nombor bahasa Arab dari 0 hingga 10 bukan sahaja merupakan asas dalam pembelajaran bahasa, malah ia juga merupakan alat penting untuk pertukaran budaya antara negara, penyelidikan akademik, aplikasi praktikal, dan warisan budaya. Sebagai pelajar bahasa Mandarin dan Arab, pelajar boleh belajar dan menguasai kedua-dua sistem nombor ini sepenuhnya melalui pengajaran kursus dan aplikasi praktikal. Hal ini sekaligus akan meningkatkan kemahiran bahasa, kefahaman budaya, dan daya saing antarabangsa mereka. Pada masa yang sama, ia juga menyediakan pengetahuan yang kaya dan ruang untuk inovasi, menjadikan pelajar lebih berprestasi dan berpotensi untuk berjaya dalam pelbagai bidang di negara yang berbahasa Mandarin dan Arab.

Rujukan

Zhou, W., & Chen, J. (2007). *A contrastive study of the Arabic language and the Chinese language*. Shanghai Foreign Language Education Press.

Zhang, Q. (2021). *Number culture teaching in teaching Chinese as a foreign language* [Master's thesis, Northwest University].

Nizam, I. (2024, September 23). *Saudi persiap generasi muda dengan pendedahan Bahasa Mandarin di sekolah*. Berita Harian.

Razali, N. (2018). Kajian sikap dan persepsi terhadap pembelajaran bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar UiTM Kelantan. *ESTEEM Journal of Social Sciences and Humanities*, 2, 54–69.